

Hak Akses Orang Kurang Upaya ke Bangunan Awam: Realiti di Malaysia

(Access Right for Persons with Disabilities to Public Buildings: Reality in Malaysia)

Nur Azlina Mohamad Zahari^{1*}, Ramalinggam Rajamanickam²

Rohaida Nordin³

¹Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia.

Email: nurazlinamz@uitm.edu.my

²Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: rama@ukm.edu.my

³Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: rohaidanordin@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nur Azlina Mohamad Zahari
(nurazlinamz@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Akses
Bangunan awam
Kebolehaksesan
Ketidakupayaan
Orang kurang upaya

KEYWORDS:

Access
Public building
Accessibility
Disabilities
Persons with disabilities

CITATION:

Nur Azlina Mohamad Zahari, Ramalinggam Rajamanickam, & Rohaida Nordin. (2024). Hak Akses Orang Kurang Upaya ke Bangunan Awam: Realiti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(11), e003065. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i11.3065>

Peningkatan bilangan orang kurang upaya dalam kependudukan di Malaysia telah menyebabkan kerajaan perlu untuk mewujudkan pelbagai kemudahan, termasuk akses orang kurang upaya ke bangunan awam kerana penikmatan hak asasi yang asas banyak melibatkan hak akses. Namun, undang-undang yang berkaitan dengan akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia tidak menyeluruh dan mempunyai kelemahan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu tentang hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam dan memberikan cadangan untuk menambah baik peruntukan tentang akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, metod kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif iaitu pendekatan perundangan tulen yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber, terutamanya Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 (UUKBS), Konvensyen tentang Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan kes-kes mahkamah. Berdasarkan analisis yang dijalankan, artikel ini mendedahkan bahawa isu-isu tentang hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia ialah ketidakselarasan undang-undang Malaysia dengan CRPD, ruang lingkup perundangan yang terhad, ketiadaan peruntukan audit akses serta kuasa terhad Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar Akta 685 dan UUKBS dipinda untuk memastikan undang-undang ini sejajar dengan CRPD. Kesimpulannya, terdapat keperluan untuk meneliti semula semua peruntukan tentang hak akses orang kurang upaya

ke bangunan awam di Malaysia bagi menjamin hak-hak orang kurang upaya di sisi undang-undang.

ABSTRACT

The increasing number of persons with disabilities in the population in Malaysia has made it necessary for the government to provide various facilities, including access for persons with disabilities to public buildings as the enjoyment of fundamental rights involves many of access rights. However, Malaysian laws on persons with disabilities access to public buildings are not comprehensive and have shortcomings, Therefore, this article aims to analyze issues concerning the accessibility rights of people with disabilities to public buildings and provide recommendations to improve provisions regarding access to public buildings for people with disabilities in Malaysia. To achieve this objective, a qualitative research method was used, specifically a pure legal approach involving content analysis. Data was collected from various sources, mainly the Persons with Disabilities Act 2008 [Act 685], Uniform Building By-Laws 1984 (UBBL), Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD), and court cases. Based on the analysis conducted, this article reveals that the key issues concerning accessibility rights for people with disabilities to public buildings in Malaysia are the misalignment of Malaysian law with the CRPD, limited legislative scope, the absence of mandatory access audits and the restricted powers of the National Council for Persons with Disabilities. Therefore, this article proposes that Act 685 and UBBL should be amended to ensure that these laws are in line with CRPD. In conclusion, there is a need to review all provisions regarding access for people with disabilities to public buildings in Malaysia to guarantee their rights under the law.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menganalisis isu hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia. Sumbangan utama kajian ini ialah mengenal pasti jurang dalam kerangka perundangan sedia ada. Kajian ini turut mencadangkan pindaan undang-undang bagi menjamin hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia.

1. Pengenalan

Golongan orang kurang upaya tidak mempunyai akses yang saksama kepada penjagaan kesihatan, pendidikan dan peluang pekerjaan, tidak menikmati perkhidmatan berkaitan dengan ketidakupayaan yang diperlukan serta mengalami pengalaman disisihkan daripada aktiviti kehidupan seharian. Misalnya, kekurangan penyediaan kemudahan untuk pelajar kurang upaya di institut pendidikan tinggi telah menyebabkan golongan ini tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa seperti pelajar-pelajar yang lain. Menurut [World Health Organisation \(2011\)](#), dianggarkan 15% daripada populasi penduduk dunia memiliki ketidakupayaan pada tahun 2011, dan angka ini mewakili lebih daripada satu bilion orang. Peratusan orang kurang upaya dalam kependudukan di dunia menuntut

kepada penyediaan pelbagai kemudahan yang mesra orang kurang upaya dan akses yang sewajarnya kepada kemudahan tersebut untuk golongan ini.

Pada peringkat antarabangsa, Konvensyen tentang Hak Orang Kurang Upaya (Convention on the Rights of Persons with Disabilities [CRPD]) telah diperkenalkan pada 13 Disember 2006 semasa sesi ke-61 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Abdul Rahim & Abd. Samad, 2010). Menurut United Nations (2022), sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 185 buah negara telah menandatangani dan 164 buah negara telah meratifikasi CRPD, termasuklah Malaysia. Malaysia telah meratifikasikan CRPD pada 19 Julai 2010, dengan reservasi terhadap Perkara 15 (Kebebasan daripada penyeksaan, layanan atau hukuman yang zalim atau tidak berperikemanusiaan) dan Perkara 18 (Hak kepada kebebasan pergerakan dan kewarganegaraan) (Mokhtar & Md. Tah, 2016). Menurut laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (2011), Malaysia belum lagi menandatangani Protokol Pilihan (Optional Protocol) kepada CRPD. Di bawah Perkara 1(1) Protokol Pilihan kepada CRPD, Jawatankuasa Hak Orang Kurang Upaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berperanan untuk meneliti aduan individu yang melaporkan apa-apa pelanggaran oleh mana-mana Negara Pihak terhadap kandungan CRPD.

Menurut United Nations (2022), sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 94 buah Negara Pihak telah menandatangani Protokol Pilihan kepada CRPD dan 101 buah Negara Pihak telah meratifikasikan Protokol Pilihan kepada CRPD. Ratifikasi terhadap CRPD merupakan satu langkah yang membuktikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan hak-hak orang kurang upaya yang terkandung dalam CRPD (Krishnamoorthi et al., 2022). Namun, tindakan Malaysia untuk tidak menandatangani Protokol Pilihan menunjukkan bahawa Malaysia belum bersedia untuk menerima kaedah pelaporan yang dinyatakan dalam CRPD sebagai satu penanda aras bagi menjamin hak-hak orang kurang upaya di Malaysia.

Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) ialah suatu pengiktirafan yang menyeluruh terhadap hak-hak asasi golongan orang kurang upaya yang merangkumi hak-hak sivil, budaya, politik, sosial dan ekonomi (United Nations, 2006). Perkara 1 CRPD menyatakan tujuan CRPD iaitu untuk menggalakkan, melindungi dan memastikan segala hak asasi manusia dan kebebasan dinikmati secara sepenuhnya dan saksama oleh semua orang yang mempunyai ketidakupayaan dan untuk menggalakkan rasa hormat kepada maruah golongan ini (United Nations, 2006). Mukadimah (v) CRPD mengiktiraf kepentingan kebolehasnesan kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan budaya, juga kepada kesihatan dan pendidikan serta maklumat dan komunikasi, bagi membolehkan golongan orang kurang upaya menikmati sepenuhnya kesemua hak asasi manusia dan kebebasan (United Nations, 2006). Selanjutnya, Perkara 9 CRPD menyatakan bahawa Negara Pihak hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan kebolehasnesan oleh golongan orang kurang upaya adalah setara dengan orang upaya (United Nations, 2006). Perkara 2 CRPD pula mengiktiraf bahawa diskriminasi atas dasar ketidakupayaan terhadap mana-mana individu merupakan suatu pelanggaran kepada maruah azali dan harga diri seseorang individu (United Nations, 2006). Hal ini termasuk semua bentuk diskriminasi termasuk penafian kepada kemudahan yang sewajarnya.

Setelah meratifikasikan CRPD pada 19 Julai 2010, kerajaan Malaysia sebagai Negara Pihak kepada CRPD mempunyai tanggungjawab untuk menaik taraf dasar dan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran awam yang mesra orang kurang upaya. Menurut

laporan [Suruhanjaya Hak Asasi Manusia \(2012\)](#), terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Gerakan Bersama Kebangkitan Orang Kurang Upaya 2012 dalam suatu memorandum yang dinamakan Memorandum Gerakan Bersama Kebangkitan Orang Kurang Upaya 2012 (Memorandum BANGKIT 2012), yang bertujuan untuk menarik perhatian sektor awam dan swasta untuk memenuhi keperluan khusus orang kurang upaya. Memorandum BANGKIT 2012 tersebut mengandungi sebelas perkara yang secara amnya menuntut kerajaan untuk mewujudkan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat yang cakna dalam memahami keperluan, keupayaan dan sumbangan oleh orang kurang upaya.

Menurut [Badan Peguam Malaysia \(2012\)](#), dalam konteks perundangan, Perkara 1 Memorandum BANGKIT 2012 menyarankan pemantapan undang-undang yang sedia ada bagi menjamin kelangsungan hidup orang kurang upaya, iaitu melalui pindaan kepada Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan tiada diskriminasi berasaskan kecacatan, pindaan kepada [Akta Orang Kurang Upaya 2008 \(Akta 685\)](#) bagi menyediakan remedi dan hukuman yang sewajarnya terhadap pihak-pihak yang gagal mematuhi hak-hak yang diberikan kepada orang kurang upaya, ratifikasi penuh CRPD, termasuk Protokol Pilihan dan pemerkasaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta 685, termasuklah penyediaan laporan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan. Berdasarkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Memorandum BANGKIT 2012, terdapat beberapa masalah yang berhubungan dengan kerangka undang-undang Malaysia dalam menjamin hak akses orang kurang upaya ke bangunan, khususnya bangunan awam.

1.1. Permasalahan Kajian

Menurut laporan [Suruhanjaya Hak Asasi Manusia \(2019\)](#), walaupun Malaysia telah meratifikasikan CRPD, golongan ini masih menghadapi masalah dalam mendapatkan akses penuh ke bangunan awam. Berdasarkan laporan tersebut, kerangka undang-undang di Malaysia, terutamanya Akta 685, tidak memberi hak yang mencukupi kepada orang kurang upaya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap diskriminasi atau kegagalan menyediakan kemudahan akses yang sesuai. Di bawah Akta 685, pihak kerajaan serta entiti yang berkaitan tidak boleh disaman atas pelanggaran hak ini ([Md. Tah, 2014](#)).

Menurut [Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat \(2022\)](#), terdapat tujuh kategori orang kurang upaya di Malaysia, termasuklah kekurangan fizikal, pendengaran, dan penglihatan. Namun, definisi undang-undang yang berkaitan dengan orang kurang upaya dan bangunan awam masih tidak konsisten, mengakibatkan kekeliruan dan kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang yang ada. Dalam konteks ini, artikel ini meninjau dan menganalisis isu kebolehaksesan ke bangunan awam bagi golongan orang kurang upaya di Malaysia. Artikel ini juga menilai kelemahan dalam kerangka perundangan yang ada serta cadangan untuk memperbaiki pelaksanaan undang-undang yang lebih menyeluruh bagi memastikan hak orang kurang upaya terjamin.

1.2. Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan yang dibincangkan, objektif artikel ini ialah menganalisis isu-isu berkaitan dengan hak akses orang kurang upaya kepada bangunan

awam di Malaysia dan mencadangkan penambahbaikan dari segi undang-undang untuk menjamin hak akses orang kurang upaya kepada bangunan awam di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

Golongan orang kurang upaya mengalami diskriminasi dan halangan yang menyekat mereka daripada penyertaan penuh dalam masyarakat atas asas kesaksamaan dengan orang lain. Menurut laporan [Suruhanjaya Hak Asasi Manusia \(2014\)](#), ketidaksaksamaan yang dihadapi oleh orang kurang upaya disebabkan oleh pelbagai halangan, termasuklah halangan sikap dan stigma yang sering menyebabkan orang kurang upaya tidak dapat melibatkan diri dalam masyarakat. Kesukaran mereka untuk mendapatkan perkhidmatan yang sepatutnya akan menyebabkan golongan ini terus keterbelakang dan tidak dapat menjalani kehidupan seharian dengan baik ([Asalal et al., 2023](#)).

Dalam konteks perundangan, Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan secara khusus tentang diskriminasi berlandaskan ketidakupayaan fizikal atau mental. Di Malaysia, kes [Jakob Renner & Ors v Scott King & Ors \[2000\] 5 MLJ 254](#) yang diputuskan oleh mahkamah sebelum kewujudan Akta 685 telah meletakkan kedua-dua Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, iaitu hak untuk hidup dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, iaitu hak kesamarataan sebagai larangan diskriminasi terhadap golongan orang kurang upaya ([Sufian, 2007](#)). Walaupun kes [Jakob Renner & Ors v Scott King & Ors](#) secara jelas berkaitan dengan hak seorang kanak-kanak kurang upaya terhadap pendidikan, namun perkara penting yang perlu diberikan perhatian ialah ketiadaan infrastruktur sempurna di sekolah yang secara tidak langsung telah menyebabkan penafian hak kanak-kanak kurang upaya terhadap pendidikan ([Sufian, 2007](#)). Selepas kes [Jakob Renner & Ors v Scott King & Ors](#) dan kewujudan Akta 685, tiada kes perundangan yang dilaporkan yang berkaitan dengan hak akses orang kurang upaya ke bangunan-bangunan awam di Malaysia.

Walaupun tiada kes perundangan lain yang dilaporkan, terdapat keperluan untuk menilai kerangka undang-undang Malaysia ([Maidin, 2012](#)). Golongan orang kurang upaya mengalami masalah untuk memajukan diri mereka kerana golongan orang kurang upaya disekat daripada menikmati hak-hak asas, seperti kebebasan pergerakan, pendidikan, pekerjaan dan menjalani kehidupan sosial disebabkan oleh akses ke bangunan yang berada di luar capaian golongan ini, terutamanya bangunan-bangunan awam seperti sekolah, premis perniagaan, tempat kerja, pengangkutan awam dan kemudahan awam ([Maidin, 2012](#)). Hal ini membuktikan bahawa isu penafian hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam sememangnya berlaku di Malaysia dan perlu ditangani dengan segera bagi mengelakkan penindasan kepada orang kurang upaya.

Pada peringkat antarabangsa, terdapat kes-kes perundangan yang melibatkan hak akses golongan orang kurang upaya yang telah dilaporkan. Antaranya ialah kes [Stegner v Franco 228 F.3d 889 \(8th Cir. 2000\)](#). Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan di Amerika Syarikat memutuskan bahawa Encik Burch yang merupakan orang kurang upaya penglihatan mempunyai kedudukan untuk membuat tuntutan di bawah Tajuk II Americans with Disabilities Act 1990 kerana masalah penglihatan yang dialami oleh Encik Burch. Hal ini menyebabkan Encik Burch tidak dapat mengesan lokasi bilik air yang tidak ditandakan dengan tulisan Braille atau tanda-tanda lain yang boleh dikenal pasti. Kes [The Royal Bank of Scotland Group Plc v Allen \[2009\] EWCA Civ 1213](#) merupakan kes perundangan yang meletakkan kewajipan kepada penyedia perkhidmatan di Britain untuk membuat pengubahsuaian yang sewajarnya apabila mustahil atau secara tidak

munasabahnya sukar bagi orang kurang upaya untuk menggunakan perkhidmatan, termasuk mendapatkan akses kepada atau menggunakan apa-apa tempat yang boleh dimasuki oleh orang awam, melainkan jika munasabah untuk penyedia perkhidmatan untuk tidak menyediakannya.

Dalam kes *Fowler v Kanawha Valley Fine Jewelry and Loan LLC 2015 WL 164096 (S.D.W.VA. 2015)*, mahkamah memerintahkan defendan membayar ganti rugi kepada plaintif atas kecederaan yang dialami oleh plaintif kerana defendan gagal menyediakan tanjakan (ramp) yang sesuai dan mengikut spesifikasi bagi kerusi roda yang digunakan oleh plaintif semasa plaintif memasuki premis perniagaan milik defendan di Amerika Syarikat. Oleh itu, walaupun tiada kes undang-undang berkenaan dengan akses golongan orang kurang upaya ke bangunan-bangunan awam yang dilaporkan di Malaysia selepas kewujudan Akta 685, rujukan pada prinsip-prinsip dalam sesuatu kes seumpama ini adalah penting kerana situasi yang berlaku dalam kes-kes di negara-negara luar yang dinyatakan di atas boleh terjadi kepada golongan orang kurang upaya di Malaysia.

Dalam konteks penulisan terdahulu, pandangan para penulis dari negara-negara luar berkenaan dengan kebolehaksesan lebih berkisar kepada kesedaran dan inisiatif ke arah kebolehaksesan golongan orang kurang upaya. *Imrie (1996)* menegaskan bahawa sejak awal tahun 1980-an, kerajaan di negara-negara Barat telah menyuarakan pendapat bahawa perkara berkaitan dengan ketidakbolehaksesan ruang dan kawasan dalam persekitaran alam bina perlu ditambah baik melalui dasar awam. Perkara ini terbukti melalui pembentukan institusi bagi membangunkan dasar berkenaan dengan akses orang kurang upaya di United Kingdom. Di Amerika Syarikat, persekitaran bebas halangan telah menjadi perkara yang diberikan perhatian sejak tahun 1968. Dasar dan program yang bertujuan untuk mewujudkan kawasan-kawasan yang boleh diakses oleh golongan tidak berkeupayaan telah menjadi perkara penting dalam aspek kebajikan beberapa negara, seperti Jerman, Belanda dan Sweden. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap kepentingan akses golongan orang kurang upaya ke bangunan-bangunan telah memberikan kesan kepada pembentukan kerangka undang-undang di negara-negara Barat. Penulisan *Imrie (1996)* menekankan tentang kebolehaksesan golongan tidak berkeupayaan dalam persekitaran alam bina. Namun, penulisan ini juga tidak menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan reka bentuk sejagat yang berkaitan dengan akses bagi golongan orang kurang upaya memandangkan konsep reka bentuk sejagat masih belum diperkenalkan ketika itu.

Story et al. (1998) memperkenalkan dan menghuraikan konsep dan prinsip reka bentuk sejagat. Reka bentuk sejagat ditafsirkan sebagai reka bentuk produk dan persekitaran yang boleh digunakan secara meluas oleh semua orang pada semua peringkat umur dan keupayaan. Reka bentuk sejagat dijangka menjadi semakin penting bagi memenuhi pertambahan bilangan golongan orang kurang upaya dan pertambahan umur penduduk dunia. Perkembangan kerangka undang-undang bermula seawal tahun 1960-an di Amerika Syarikat, iaitu bermula dengan kewujudan undang-undang persekutuan yang berperanan sebagai panduan yang menetapkan kebolehaksesan minimum bagi kemudahan dalam peraturan kecil, yang kemudiannya berkembang untuk menyediakan akses sepenuhnya kepada orang awam. Hal ini menunjukkan bahawa kerangka undang-undang memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan konsep reka bentuk sejagat. Memandangkan konsep reka bentuk sejagat baru diperkenalkan, para penulis lebih memfokuskan kepada latar belakang, sejarah, prinsip dan teori reka bentuk sejagat.

Selanjutnya, [Gray et al. \(2003\)](#) menjelaskan bahawa dalam mencipta persekitaran alam bina yang mengurangkan halangan kepada ketidakupayaan, para pengamal reka bentuk, arkitek landskap, perancang pengangkutan bandar, pemaju dan kontraktor serta pihak-pihak yang berkaitan perlu diambil kira sebagai pemain utama. Di samping matlamat untuk mewujudkan persekitaran yang mengurangkan halangan bagi aktiviti golongan orang kurang upaya, para pengamal reka bentuk bangunan juga boleh mendapatkan manfaat daripada perbincangan dengan kumpulan golongan orang kurang upaya. Pandangan berbeza terhadap kepentingan faktor persekitaran yang bertindak sebagai halangan untuk penyertaan golongan orang kurang upaya dalam masyarakat, kebolehlaksanaan reka bentuk sejagat dan keadilan undang-undang telah menjadikan isu akses ke bangunan sebagai satu isu hak sivil. Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak mengupas berkenaan dengan kehendak pendirian bangunan yang boleh diakses oleh orang kurang upaya dari sudut perundangan.

Dari sudut perundangan, [Sufian \(2007\)](#) berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk membuat perubahan kepada undang-undang dan dasar bagi memenuhi keperluan orang kurang upaya serta menjamin kebolehaksesan persekitaran alam bina, termasuklah bangunan-bangunan dan rumah-rumah di Malaysia. Walaupun wujud garis panduan untuk pemaju dalam menyediakan bangunan-bangunan awam bebas halangan, terdapat kekurangan dari segi pemantauan dan penguatkuasaan untuk menilai sejauh manakah pematuhan terhadap sesuatu garis panduan tersebut. Para pembuat dasar, perancang bandar, arkitek, jurureka dan pihak-pihak berkuasa tempatan perlu mengambil kira amalan-amalan di negara-negara lain sebagai rujukan dalam pendirian bangunan-bangunan dan rumah-rumah yang mesra orang kurang upaya. Walau bagaimanapun, pendapat [Sufian \(2007\)](#) tidak mengambil kira peruntukan-peruntukan dalam Akta 685 kerana artikel beliau ditulis sebelum kewujudan Akta 685.

Dalam konteks kebolehaksesan, [Maidin \(2012\)](#) menegaskan bahawa halangan-halangan dalam persekitaran alam bina memerlukan perhatian segera. Kebolehaksesan bermaksud memberikan akses yang sama rata kepada setiap individu. Pihak berkuasa tempatan hendaklah memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelan-pelan pendirian bangunan dan permohonan-permohonan untuk kebenaran merancang disediakan dengan mengambil kira keperluan-keperluan golongan orang kurang upaya. Persekitaran bebas halangan akan membolehkan golongan orang kurang upaya untuk mendapatkan akses kepada pengangkutan awam, bangunan dan kemudahan lain bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mendapat pekerjaan. Selain itu, golongan orang kurang upaya juga mendapat kebebasan untuk bergerak dalam komuniti masing-masing. Hal ini membolehkan orang kurang upaya menjadi anggota masyarakat yang aktif dan menyumbang kepada aktiviti-aktiviti dan juga pembangunan komuniti. Pandangan [Maidin \(2012\)](#) mengambil kira peruntukan-peruntukan dalam Akta 685 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, takrifan istilah “ketidakupayaan”, skop piawaian Malaysia sedia ada, fungsi dan peranan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dan pihak-pihak berkuasa tempatan serta penguatkuasaan undang-undang yang longgar. Namun begitu, isu kesejajaran kerangka undang-undang sedia ada dengan CRPD dan fokus ke bangunan-bangunan awam tidak disentuh dalam penulisan beliau.

Dalam konteks dunia pekerjaan, [Ta dan Leng \(2013\)](#) menyatakan bahawa masalah akses dalam persekitaran alam bina merupakan rintangan utama yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya di Malaysia dalam mendapatkan akses kepada dunia pekerjaan. Walaupun terdapat peruntukan dalam [Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam](#) yang

menyatakan bahawa semua bangunan awam perlu disediakan dengan kemudahan yang boleh diakses bagi kegunaan golongan orang kurang upaya, penguatkuasaan bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan tersebut tidak berlaku. Perkara ini menyebabkan banyak bangunan awam yang terus berada dalam keadaan yang tidak boleh diakses oleh golongan orang kurang upaya, terutamanya orang kurang upaya yang berkerusi roda. Akta 685 juga dikritik sebagai gagal dalam melindungi golongan orang kurang upaya daripada diskriminasi dan penindasan. Terdapat cadangan agar Akta 685 dipinda semula atau satu akta antidiskriminasi diwujudkan sebagaimana di Amerika Syarikat dan United Kingdom bagi melindungi golongan orang kurang upaya di Malaysia. Penulisan ini lebih memfokuskan kepada kesaksamaan terhadap peluang pekerjaan dan latihan kepada golongan orang kurang upaya dan tidak menyentuh secara rinci berkenaan dengan kerangka undang-undang di Malaysia berhubung dengan isu ketidakbolehaksesan oleh golongan orang kurang upaya ke bangunan awam.

Dalam konteks undang-undang, [Md. Tah \(2013\)](#) menyuarakan tentang keperluan untuk mewujudkan peruntukan remedi dalam menangani apa-apa pelanggaran terhadap hak golongan orang kurang upaya. Dalam mana-mana perundangan yang melindungi hak-hak sivil, terdapat keperluan untuk menggunakan kaedah-kaedah antidiskriminasi untuk membolehkan pelaksanaan dan penguatkuasaan hak-hak tersebut. Salah satu kaedah tersebut adalah mewujudkan peruntukan remedi yang bukan sahaja boleh memperuntukkan penalti, bahkan membenarkan golongan orang kurang upaya untuk melaporkan apa-apa aduan terhadap mana-mana pihak berkuasa atau agensi berkaitan. Cadangan yang diutarakan ialah Akta 685 diperkasakan dengan peruntukan remedi, seksyen 41 dan 42 Akta 685 dimansuhkan dan fungsi Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya diperluas kepada melaksanakan siasatan terhadap aduan oleh golongan orang kurang upaya. Namun, penulisan ini melihat kerangka undang-undang yang berkaitan dengan Akta 685 secara holistik dan tidak memfokuskan kepada kerangka undang-undang di Malaysia berhubung dengan hak akses golongan orang kurang upaya ke bangunan awam.

Selanjutnya, [Abdul Rahim et al. \(2014\)](#) berpendapat bahawa reka bentuk sejagat menggalakkan kebolehaksesan kepada semua orang yang merangkumi kepelbagaian umur dan keupayaan atau ketidakupayaan. Para profesional hendaklah menyediakan kebolehaksesan dan mengaplikasikan reka bentuk sejagat dalam semua projek baharu tanpa mengira sama ada bangunan awam atau bangunan persendirian. Reka bentuk sejagat hendaklah diajar di semua universiti yang menawarkan program ijazah seni bina bagi menanam kesedaran awal dan simulasi audit akses hendaklah dijalankan untuk menambah baik dan menaik taraf persekitaran alam bina yang sedia ada. Secara ringkasnya, penulisan ini memfokuskan kepada hubungan antara reka bentuk sejagat dengan kebolehaksesan dan tidak menyentuh isu perundangan berkaitan dengan hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia.

[M. Rezaul \(2015\)](#) pula berpendapat bahawa golongan orang kurang upaya di Malaysia telah dipinggirkan daripada arus pembangunan di Malaysia dan berada dalam keadaan sosial dan ekonomi yang buruk. Penolakan sosial pada peringkat komuniti terhadap golongan orang kurang upaya berlaku apabila kemudahan tidak disediakan dengan secukupnya dan kekurangan peralatan yang diperlukan, yang menyebabkan golongan orang kurang upaya tidak dapat mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan. Penolakan sosial pada peringkat institusi dan negara pula disebabkan oleh persekitaran yang tidak mesra pengguna dan ketidakbolehaksesan komunikasi serta pengangkutan, yang mengakibatkan golongan orang kurang upaya tidak mendapat capaian kepada

banyak kemudahan awam dan tidak mendapat kemudahan sewajarnya yang sah dari segi undang-undang pada peringkat negara. Penulisan ini lebih terarah kepada faktor-faktor penolakan sosial terhadap golongan orang kurang upaya dan tidak menyentuh tentang kerangka undang-undang di Malaysia berkaitan dengan hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, tiada penulisan yang menyentuh secara rinci berkenaan dengan hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam menurut undang-undang di Malaysia. Sehubungan dengan itu, artikel ini diharap dapat mengisi kekurangan jurang dalam sorotan literatur seperti yang dinyatakan di atas dengan memfokus kepada isu-isu yang melibatkan hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam menurut undang-undang di Malaysia.

3. Metod Kajian

Artikel ini menggunakan menggunakan kaedah kualitatif bersifat doktrinal-perundangan tulen. Reka bentuk kajian secara kaedah kualitatif bersifat Analisis Kandungan (Content Analysis) dipilih kerana kajian ini tidak melibatkan kajian saintifik atau empirikal dan hanya melibatkan kajian perpustakaan berkenaan dengan akses orang kurang upaya kepada bangunan awam menurut undang-undang di Malaysia. Kaedah Analisis Kandungan bersesuaian kerana artikel ini menyentuh tentang kandungan Akta 685 dan [Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \(Selangor\) 1986](#). Pengumpulan data dilakukan menerusi kajian perpustakaan yang melibatkan pembacaan, penelitian dan pengambilan data daripada buku-buku, jurnal, artikel, laporan dan keratan akhbar. Rujukan juga dibuat kepada undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta 685, [Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \(Selangor\) 1986](#) dan kes-kes mahkamah yang telah diputuskan.

4. Hasil Kajian

Terdapat empat isu yang timbul berkaitan dengan akses orang kurang upaya ke bangunan awam di Malaysia. Isu pertama ialah kerangka undang-undang Malaysia tidak sejajar dengan kandungan CRPD. Malaysia telah meratifikasikan CRPD, namun undang-undang sedia ada, iaitu Akta 685 tidak memperuntukkan hak golongan orang kurang upaya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang mendiskriminasikan atau gagal menyediakan kemudahan kepada golongan orang kurang upaya. Peruntukan di bawah Akta 685 telah memberikan perlindungan kepada pihak kerajaan dan beberapa entiti daripada disaman di mahkamah ([Md. Tah, 2014](#)). Seksyen 41 telah menyatakan bahawa tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap kerajaan, Menteri atau Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Berdasarkan seksyen 2 Akta 685, "Menteri" ertinya "Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kebajikan masyarakat."

Seksyen 42 Akta 685 menyentuh berkenaan dengan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa Akta 198 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap kerajaan, Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya atau terhadap mana-mana anggota Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, mana-mana anggota jawatankuasa, atau ejen Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaihan atau keingkaran yang dilakukan atau yang ditinggalkan

olehnya atas sifat yang sedemikian. Kedua-dua peruntukan ini telah menjadikan Akta 685 sebagai “harimau tidak bertaring” dan tiada remedi khusus bagi apa-apa pelanggaran yang mendiskriminasikan orang kurang upaya (Md. Tah, 2014). Oleh itu, golongan orang kurang upaya tidak mendapat perlindungan sepenuhnya di bawah Akta 685 sekiranya berlaku penafian hak-hak orang kurang upaya di Malaysia, termasuklah penafian hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam. Hal ini kerana golongan orang kurang upaya tidak dapat mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap kerajaan, Menteri dan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya.

Isu kedua ialah ruang lingkup perundangan yang terhad. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan dan ketidakseragaman istilah-istilah yang mustahak dalam undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan hak akses orang kurang upaya ke bangunan awam. Seksyen 2 Akta 685 mentakrifkan istilah “orang kurang upaya” sebagai “mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.” Dalam [Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \(Selangor\) 1986](#) pula, undang-undang kecil 2 mentakrifkan istilah “orang yang kurang keupayaan” sebagai “orang-orang yang mempunyai kekurangan keupayaan fizikal, pendengaran atau penglihatan yang memberi kesan terhadap pergerakan atau penggunaan bangunan yang disebut di bawah undang-undang kecil 34A.” Di sini, terdapat percanggahan takrifan istilah yang merujuk orang kurang upaya. Istilah “bangunan awam” dinyatakan dalam Akta 685, tetapi tidak ditakrifkan dalam Akta 685 dan [Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \(Selangor\) 1986](#). Istilah “reka bentuk sejagat” dinyatakan dan ditakrifkan dalam Akta 685, tetapi tidak dinyatakan dan ditakrifkan dalam [Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam \(Selangor\) 1986](#). Percanggahan dan ketiadaan takrifan bagi istilah-istilah yang penting dalam konteks akses orang kurang upaya ke bangunan awam dalam undang-undang Malaysia menyebabkan pemahaman bagi istilah-istilah yang digunakan tersebut kabur, terhad dan tidak menyeluruh di sisi undang-undang.

Isu ketiga ialah ketiadaan peruntukan undang-undang yang mewajibkan audit akses. Menurut [World Health Organisation \(2011\)](#), garis panduan pelaporan untuk CRPD mewajibkan Negara Pihak, termasuk Malaysia untuk melaporkan kemajuan dalam mencapai Perkara 9 berkenaan dengan kebolehaksesan. Beberapa Negara Pihak seperti Kanada, Norway dan Uganda telah melaporkan amalan-amalan yang dilaksanakan bagi mencapai Perkara 9, iaitu mengadakan perundangan yang mengandungi piawaian akses yang wajib dipatuhi, mewajibkan tinjauan dan pemeriksaan untuk mendapatkan reka bentuk yang baik serta melaksanakan audit akses terhadap bangunan. Audit akses terbahagi kepada dua kategori, iaitu audit bagi melihat kewujudan kemudahan bagi golongan orang kurang upaya dan audit bagi melihat sejauh manakah sesuatu kemudahan di dalam sesuatu bangunan itu berfungsi untuk kegunaan dan kemudahan golongan orang kurang upaya ([Abdul Rahim & Abd. Samad, 2014](#)).

Dalam konteks pengubahsuaian bangunan, [Kadir dan Jamaludin \(2012\)](#) menyatakan bahawa terdapat pengubahsuaian bangunan awam yang tidak dibuat dengan betul mengikut Piawaian Malaysia dan menyebabkan risiko bahaya kepada pengguna bangunan, misalnya tanjakan (ramp) untuk orang kurang upaya yang berkerusi roda yang terlalu curam. Di Malaysia, terdapat bangunan awam dan kemudahan asas yang tidak memenuhi keperluan golongan orang kurang upaya. Dalam satu tinjauan oleh pelajar dari Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur di Universiti Teknologi MARA Malaysia pada tahun 2012, jalur-jalur pemandu (guiding blocks) yang dipasang pada

lantai sebagai panduan untuk orang kurang upaya penglihatan yang sepatutnya menunjukkan arah laluan ke bangunan Masjid Tuanku Mizan dan Jabatan Imigresen di Putrajaya telah dipasang dalam keadaan yang menunjukkan laluan yang salah, yang boleh membahayakan dan mengelirukan orang kurang upaya penglihatan yang memerlukan petunjuk sentuhan untuk bergerak masuk ke bangunan tersebut.

Isu keempat ialah kuasa, fungsi dan peranan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang terhad. Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya di bawah Akta 685 mempunyai beberapa fungsi. Antaranya, subseksyen 9(1)(f) Akta 685 memperuntukkan fungsi Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya untuk mengesyorkan kepada kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baharu bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehaksesan. Subseksyen 9(2) Akta 685 turut menyatakan bahawa Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi pelaksanaan fungsinya di bawah Akta 685. Walau bagaimanapun, Akta 685 tidak mengandungi apa-apa peruntukan yang memberikan kuasa kepada Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya atau mana-mana orang atau badan untuk mengenakan denda atau menjalankan pendakwaan terhadap mana-mana orang, badan atau agensi sekiranya terdapat pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan dalam Akta 685.

Sehubungan dengan itu, jelas di sini bahawa lakuna dalam perundangan boleh mengakibatkan penafian hak akses golongan orang kurang upaya ke bangunan-bangunan awam dan diskriminasi terhadap golongan orang kurang upaya. Ketidakebolehaksesan ke bangunan, jalan dan sistem pengangkutan, serta kekurangan alat bantuan, boleh mendatangkan halangan kepada penglibatan dalam pendidikan dan latihan, pekerjaan, keluarga dan kehidupan komuniti, serta boleh mengundang sikap negatif dan pandangan buruk terhadap undang-undang dan institusi yang tidak menyokong penglibatan golongan ini.

5. Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat isu-isu tentang hak akses orang kurang upaya kepada bangunan awam di Malaysia. Isu-isu tersebut sewajarnya dipandang serius oleh kerajaan dan masyarakat. Hal ini kerana hak akses orang kurang upaya kepada bangunan merupakan hak orang kurang upaya yang sangat penting dalam menjamin kesinambungan terhadap jaminan hak-hak orang kurang upaya yang lain, seperti pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan kehidupan sosial. Tanpa akses yang baik kepada bangunan-bangunan awam, misalnya sekolah, hospital, bangunan pejabat, perpustakaan, panggung wayang dan pusat pemulihan, orang kurang upaya tidak dapat menikmati hidup, seperti orang berupaya yang lain dan terhalang daripada menyertai masyarakat secara penuh. Penafian hak akses orang kurang upaya kepada bangunan awam adalah bertentangan dengan konsep kesamarataan yang dipertahankan dalam Perlembagaan Persekutuan, CRPD dan Akta 685. Berdasarkan hasil kajian, terdapat dua cadangan penambahbaikan yang dikemukakan untuk memastikan orang kurang upaya di Malaysia mendapat hak akses yang lebih baik dan terjamin kepada bangunan awam.

Cadangan pertama ialah Akta 685 perlu disemak semula dan dipinda sewajarnya. Pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk dilaksanakan ialah menyelaraskan semula takrifan bagi istilah "orang kurang upaya" dan "ketidakupayaan" dalam Akta 685 agar selaras dengan konteks CRPD. Penyelarasan tersebut perlu dibuat bagi memudahkan

rujukan dan pemahaman rakyat Malaysia dan orang kurang upaya terhadap takrifan bagi istilah orang kurang upaya dan ketidakupayaan berdasarkan konteks antarabangsa, iaitu CRPD yang lebih jelas dan mudah difahami. Akta 685 juga perlu dipinda dengan memasukkan takrifan bagi istilah “bangunan awam,” “akses,” “kebolehaksesan” dan “audit akses.” Pindaan ini perlu dibuat untuk menjelaskan takrifan kelima-lima istilah tersebut, bagi membolehkan orang yang mendirikan bangunan awam memahami maksudnya dengan lebih terperinci dan mengelakkan apa-apa pertikaian atau kekeliruan dalam kalangan orang yang mendirikan bangunan awam semasa proses penyediaan pelan bangunan dan pendirian bangunan awam yang boleh diakses oleh orang kurang upaya di Malaysia.

Selain itu, peruntukan dalam Akta 685 berkenaan dengan fungsi Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (Majlis) juga perlu dipinda, iaitu dengan memberikan kuasa kepada Majlis untuk menerima aduan dan melaksanakan siasatan berkenaan dengan ketidakpatuhan pendirian bangunan awam yang boleh diakses oleh orang kurang upaya. Akta 685 juga perlu dipinda dengan memotong seksyen 41 Akta 685 yang menyediakan perlindungan terhadap kerajaan, Menteri, Majlis, mana-mana anggota Majlis atau mana-mana anggota jawatankuasa atau mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Majlis. Seksyen 42 Akta 685 yang menyentuh berkenaan dengan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 juga dicadangkan untuk dipotong. Kedua-dua seksyen 41 dan seksyen 42 Akta 685 perlu digantikan dengan peruntukan-peruntukan yang menyediakan perlindungan terhadap orang kurang upaya untuk membuat aduan atau mengemukakan tuntutan ke mahkamah. Hal ini kerana hak-hak orang kurang upaya telah diperuntukkan di bawah Akta 685. Hak-hak orang kurang upaya tersebut perlu dilindungi dan dijamin dengan menyediakan remedi yang sewajarnya, iaitu dengan menyediakan peruntukan berkenaan dengan perlindungan daripada apa-apa penindasan atau diskriminasi terhadap orang kurang upaya di samping menyediakan hukuman penalti yang sewajarnya.

Cadangan kedua ialah Undang-Undang Bangunan Seragam (Selangor) 1986 perlu disemak semula dan dipinda sewajarnya. Pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk dilaksanakan ialah menyelaraskan semula takrifan bagi istilah “orang kurang upaya” dan “ketidakupayaan” dalam Undang-Undang Bangunan Seragam (Selangor) 1986 agar selaras dengan konteks CRPD. Penyelarasan tersebut perlu dibuat bagi memudahkan rujukan dan pemahaman rakyat Malaysia dan orang kurang upaya terhadap takrifan bagi istilah “orang kurang upaya” dan “ketidakupayaan” berdasarkan konteks antarabangsa, iaitu CRPD yang lebih jelas dan mudah difahami.

Selain itu, Undang-Undang Bangunan Seragam (Selangor) 1986 perlu dipinda dengan memasukkan takrifan bagi istilah “bangunan awam,” “akses,” “kebolehaksesan” dan “reka bentuk sejagat”. Pindaan ini perlu dibuat bagi menjelaskan maksud semua istilah tersebut, bagi membolehkan orang yang mendirikan bangunan awam memahami maksudnya dengan lebih terperinci dan mengelakkan apa-apa pertikaian atau kekeliruan dalam kalangan orang yang mendirikan bangunan awam semasa proses penyediaan pelan bangunan dan pendirian bangunan awam yang boleh diakses oleh orang kurang upaya di Malaysia.

Di samping itu, [Undang-Undang Bangunan Seragam \(Selangor\) 1986](#) perlu dipinda dengan memasukkan peruntukan yang mewajibkan pendiri bangunan mengemukakan pelan akses, iaitu pelan yang menunjukkan akses orang kurang upaya kepada bangunan awam, sebelum kelulusan pendirian bangunan diberikan. Sekiranya pelan akses

tersebut tidak dikemukakan, kelulusan bagi pendirian bangunan awam tidak akan diberikan oleh pihak berkuasa tempatan. Peruntukan yang mewajibkan pelaksanaan audit akses oleh pendiri bangunan dan pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan juga perlu dimasukkan. Pendiri bangunan dan pihak berkuasa tempatan yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut perlu dikenakan tindakan di bawah undang-undang. Selain itu, pindaan perlu dibuat kepada Undang-Undang Bangunan Seragam (Selangor) 1986 dengan memasukkan peruntukan yang memberikan kuasa kepada mana-mana pihak berkuasa awam untuk menyenaraihitamkan mana-mana orang yang mendirikan bangunan awam yang gagal mematuhi kehendak pendirian bangunan yang boleh diakses oleh orang kurang upaya.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, semua isu yang dinyatakan tersebut menunjukkan bahawa terdapat keperluan segera di Malaysia untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan kebolehasan golongan orang kurang upaya agar penafian hak akses golongan orang kurang upaya ke bangunan-bangunan awam tidak terus berlaku. Selain itu, sebagai Negara Pihak yang meratifikasikan CRPD, menjadi tanggungjawab Malaysia untuk memastikan bahawa tujuan CRPD, iaitu menggalakkan, melindungi dan memastikan segala hak asasi manusia dan kebebasan dinikmati secara sepenuhnya dan saksama oleh semua orang kurang upaya dapat dicapai melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya. Dasar-dasar berkaitan dengan golongan orang kurang upaya yang telah dibangunkan antaranya Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya merupakan cerminan usaha kerajaan untuk merealisasikan peluang dan penglibatan yang lebih baik untuk golongan orang kurang upaya. Namun, dasar-dasar tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana hak-hak orang kurang upaya yang dijamin di bawah CRPD dan Akta 685 bergantung pada perlindungan dan jaminan sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia. Perkara paling utama yang perlu dilaksanakan ialah pembaharuan dan pindaan kepada undang-undang sedia ada di Malaysia yang berkaitan dengan orang kurang upaya bagi menjamin hak-hak orang kurang upaya, termasuklah hak akses orang kurang upaya kepada bangunan awam.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengarang mengucapkan jutaan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas pemberian dana bagi penerbitan ini.

Penulis juga merakamkan penghargaan kepada Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil dan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini didana oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2022-064).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penyediaan dan penerbitan manuskrip ini.

Rujukan

- Abdul Rahim, A., & Abd. Samad, N. A. (2010). Accessible Built Environment for the Elderly and Disabled in Malaysia: Hotels as Case Studies. *Journal of Construction in Developing Countries*, 15(2), 1-21.
- Abdul Rahim, A., & Abd. Samad, N. A. (2014). Universal Design from Islamic Perspective: Malaysian Masjid. *Journal of Architecture, Planning and Construction Management*, 4(2). <https://doi.org/10.31436/japcm.v4i2.548>
- Abdul Rahim, A., Zen, I., Abd. Samad, N. A., & Che Rahim, C. R. (2014). Universal Design and Accessibility: Towards Sustainable Built Environment in Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Universal Design UD 2014*, 299-306.
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)
- Asalal, N., Sidek, S., & Abd Wahab, H. (2023). Keperluan Golongan Profesional Terlatih Mengendalikan Golongan Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1), 143-155. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.444>
- Badan Peguam Malaysia. (2012). *Memorandum Gerakan Bersama Kebangkitan Orang Kurang Upaya 2012 (Memorandum BANGKIT 2012)*. Badan Peguam Malaysia. http://www.malaysianbar.org.my/index.php?option=com_docman&task=doc_view&gid=3655
- Fowler v Kanawha Valley Fine Jewelry and Loan LLC* 2015 WL 164096 (S.D.W.VA. 2015)
- Gray, D. B., Gould, M., & Bickenbach, J. E. (2003). Environmental Barriers and Disability. *Journal of Architectural and Planning Research*, 20(1), 29-37. <http://www.jstor.org/stable/43030640>
- Imrie, R. (1996). *Disability and the City: International Perspective*. Paul Chapman Publishing Ltd.
- Jakob Renner & Ors v Scott King & Ors* [2000] 5 MLJ 254
- Kadir, S. A., & Jamaludin, M. (2012). Users' Satisfaction and Perception on Accessibility of Public Buildings in Putrajaya: Access Audit Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 50, 429-441.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2022). *Laporan Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori sehingga 31 Ogos 2022*. Jabatan Kebajikan Masyarakat. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JP OKU/Statistik%20Pendaftaran%20OKU%20Sehingga%2031%20Ogos%202022.pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JP%20OKU/Statistik%20Pendaftaran%20OKU%20Sehingga%2031%20Ogos%202022.pdf)
- Krishnamoorthi, C., Mohd Shariff, A. A., Yahya, M. A., & Zairiasdi, M. M. A. (2022). Adakah Penyediaan Kemudahan Awam untuk Orang Kurang Upaya di Malaysia Mencukupi? Satu Tinjauan Sosio-Perundangan Ringkas. *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 73-84. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v5i2.125>
- M. Rezaul, I. (2015). Right of the People with Disabilities and Social Exclusion in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(2), 171-177.
- Maidin, A. J. (2012). Legal Framework Regulating for Improving Accessibility to Built Environment for Disabled Persons in Malaysia. *Social Science Research Network*, 1(1), 1-14. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.1992205>

- Md. Tah, I. H. (2013). A Need for Remedial Provision to Protect Persons with Disabilities in Malaysia. *Proceedings of the Kuala Lumpur International Business Economics and Law Conference*, 1–4.
- Md. Tah, I. H. (2014). Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak Untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan di Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014)*, 1–9.
- Mokhtar, K. A., & Md. Tah, I. H. (2016). Malaysia's Ratification of the UN Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD). *International Journal of Business, Economics and Law*, 11(4), 83–87.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Stegner v Franco* 228 F.3d 889 (8th Cir. 2000)
- Story, M. F., Mueller, J. L., & Mace, R. L. (1998). *The Universal Design File: Designing for People of All Ages and Abilities*. North Carolina State University.
- Sufian, A. (2007). The Accessibility of Buildings and Houses for Disabled Persons: The Law and Practice in Malaysia. *IUM Law Journal*, 15(1), 59–83. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v15i1.60>
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. (2011). *Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2011*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). <https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2021/03/Laporan-Tahunan-2011.pdf>
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. (2012). *Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2012*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). <https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2024/04/Laporan-Tahunan-2012.pdf>
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. (2014). *Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2014*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). <https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2024/04/Laporan-Tahunan-2014.pdf>
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. (2019). *Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2019*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). <https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2021/02/SUHAKA-M-LT2019-1.pdf>
- Ta, T. L., & Leng, K. S. (2013). Challenges Faced by Malaysians with Disabilities in the World of Employment. *Disability, CBR & Inclusive Development*, 24(1), 6–21. <https://doi.org/10.5463/dcid.v24i1.142>
- The Royal Bank of Scotland Group Plc v Allen* [2009] EWCA Civ 1213
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986
- United Nations. (2006). *Convention on the Rights of Persons with Disabilities*. United Nations. <https://www.un.org/disabilities/documents/convention/convoptprot-e.pdf>
- United Nations. (2022). *UN Treaty Body Database*. Office of UN High Commissioner for Human Rights. <https://indicators.ohchr.org>
- World Health Organisation. (2011). *World Report on Disability*. https://www.who.int/disabilities/world_report/2011/report.pdf